

Bina bahan ikut manuskrip lama

B.H m/s 9 8.1.07

Pegawai Saintifik dan Teknikal Institute for the History Arabic-Islamic Sciences, Universiti Johann Wolfgang Goethe University, Lutz Kotthoff, yang didatangkan khas dari Jerman bagi memastikan pameran berkenaan berjalan lancar, berkata segala bahan pameran dibina semula mengikut apa yang terdapat di dalam manuskrip lama.

"Ia adalah cabaran besar bagi institut kerana manuskrip lama sukar untuk difahami. Contohnya, mesin mengangakat air ciptaan Al-Jazari terpaksa dibina berulang kali bagi memastikan ia menepati spesifikasi model asli dan berfungsi seperti yang dilakukan

Al-Jazari.

"Pameran ini menjanjikan pengalaman menarik kepada pengunjung yang pasti berasa kagum melihat ciptaan yang dihasilkan pada zaman itu antaranya pam air yang menggunakan konsep injap. Konsep ini dimajukan oleh saintis moden sehingga terhasilnya ciptaan seperti enjin kereta pada masa kini," katanya.

Beliau berkata, seramai 25 fasilitator akan ditugaskan membantu pengunjung memahami segala model ciptaan yang dipamerkan menerusi penerangan dan demonstrasi.

Katanya, pameran ini diharapkan dapat menambat dan menawan hati umat Islam di negara ini.